

03 DEC 1998

Mustapa-Bantuan

LEBIHAN AKAUN SEMASA BOLEHKAN NEGARA BAYAR BANTUAN RM400

KUALA LUMPUR, 3 Dis (Bernama) -- Lebihan Akaun Semasa negara tahun ini yang berjumlah RM8.4 bilion membolehkan kerajaan terus membayar gaji dan bantuan tahun ini kepada kakitangan perkhidmatan awam, kata Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed.

"Akaun semasa negara mempunyai lebihan berikutan jumlah hasil yang diperolehi melebihi daripada belanja pengurusan," katanya kepada pemberita ketika ditemui di lobi Parlimen di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa kerajaan akan membayar bantuan RM400 kepada setiap kakitangan perkhidmatan awam tahun ini sebagai ganti bonus.

Katanya, kerajaan menganggarkan jumlah maksimum keseluruhan bantuan yang perlu dibayar adalah sebanyak RM350 juta.

Semalam Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Tan Sri Dr Mazlan Ahmad berkata kerajaan dijangka membelanjakan kira-kira RM338 juta bagi kira-kira 847,000 kakitangan kerajaan berbanding dengan peruntukan RM1 bilion bagi bonus yang diberi sebelum ini.

Sebelum ini Cuepacs dan beberapa badan meminta Dr Mahathir supaya memberi insentif kepada kakitangan kerajaan sebagai ganti kepada bonus yang tidak dapat diberi tahun ini berikutan kegawatan ekonomi.

Kali pertama kerajaan membayar bonus ialah pada 1993 apabila 850,000 kakitangan awam mendapat setengah bulan gaji atau minimum RM400 diikuti dengan sebulan gaji atau RM600 minimum pada 1994 dan 1995.

Pada 1996 bonus yang diberikan ialah sebulan gaji atau minimum RM700 bagi kumpulan terendah manakala tahun lepas sebulan gaji atau bayaran minimum RM700 dalam dua ansuran.

-- BERNAMA

RZS AHH NMO